*Southeast Asia Psychology Journal*
*Volume 13, Issue 1 (2025), 40 – 57*
*e-ISSN 2710-544X*

# PENGARUH EMOSI DAN EFIKASI DIRI TERHADAP KETAGIHAN BERULANG DALAM KALANGAN ORANG DIPAROL (ODP) DI MALAYSIA

Hamidah Razali[1], Tuan Norbalkish Tuan Abdullah[2] & Jusiah Idang[3]

[1]Aras 2, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Agama Islam Melaka, Pusat Islam Melaka 75400 Melaka, Malaysia.
[2,3]Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

*Corresponding email: hamidahrazali3@gmail.com

*Received date:15 July 2024; Accepted date: 6 February 2025*

*DOI: https://doi.org/10.51200/sapj.v13i1.5263*

**Abstrak**: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh emosi dan efikasi diri terhadap penyalahgunaan bahan berulang (*relapse*) dalam kalangan Orang diParol (ODP) di Pejabat Parol di Malaysia. Kajian ini juga turut dijalankan dengan membuat analisa deskriptif berdasaran demografi klien serta menggunakan kolerasi Pearson bagi mengkaji hubungan antara dua pemboleh ubah bebas dan satu pemboleh ubah terikat. Selain itu, ia turut melihat pengaruh antara pemboleh ubah yang disenaraikan. Seramai 97 orang responden telah dipilih berdasarkan sampel rawak terdiri daripada mereka yang berada di pejabat parol. Kajian berbentuk tinjauan dengan reka bentuk kuantitatif dijalankan dengan menggunakan tiga instrumen iaitu *Drug Abuse Screening Test* (DAST-20) bagi yang mengukur kecenderungan penglibatan anda dengan pengambilan dadah. Kedua, *Emotional Regulation Questionnaire* (ERQ; Gross & John, 2003) direka untuk menilai dan mengukur dua strategi pengawalan emosi iaitu pengalaman emosi dan ekspersi emosi. Terakhir, *Drug-Abstinence-Self-Efficacy-Scale* (DASES) menilai tahap keyakinan (efikasi kendiri) untuk menentang penggunaan dadah dalam situasi tersebut. Hasil dapatan yang diperolehi di analisis menggunakan aplikasi perisian IBM SPSS Statistics versi 29.0. Analisis deskriptif merangkumi min, sisihan piawai, frekuensi dan peratusan di jalankan untuk memperolehi data demografi responden. Korelasi Pearson dijalankan untuk mengkaji hubungan emosi dan efikasi diri terhadap *relapse*. Hasil analisis menunjukkan terdapat kolerasi negatif yang tidak

signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah dengan r (emosi) =-0.096 dan p<.05 (2-tailed). Nilai p (emosi)=0.350 dan r (efikasi diri) = -0.014 dan p <.05 (2-tailed). Nilai p (efikasi kendiri) = 0.894 dengan penyalahgunaan dadah. Hasil analisis regresi yang dijalankan mendapati emosi dan efikasi kendiri tidak mempunyai kesan signifikan terhadap penyalahgunaan dadah berulang dengan (β =0.355 dan 0.923,p >.05). Hasil analisis menunjukkan bahawa nilai Beta (β) = 0.894 dan nilai k > 0.05. Ini bermakna, hasil kajian tidak signifikan, efikasi kendiri tidak berperanan sebagai faktor pencegahan terhadap penyalahgunaan dadah berulang. Kajian ini di harap dapat membantu setiap pihak yang terlibat dalam program rawatan dan pemulihan penagihan dadah secara langsung mahupun tidak langsung melalui penambahbaikan modul atau program rawatan dan pemulihan sedia ada.

**Kata Kunci: Emosi, Efikasi Kendiri, Penyalahgunaan Dadah Berulang, Orang Diparol (ODP)**

## PENGENALAN

*Relapse* merupakan satu terma dalam bidang penyalahgunaan dadah yang merujuk kepada kesalahan seseorang menggunakan dadah semula selepas beberapa tempoh tidak menggunakannya (Kelly & Westerhoff, 2010). Menurut Frabotta (1989) dalam kajiannya mendapati 80% daripada penagih yang berada dalam keadaan pengekangan tidak pulih sepenuhnya (dalam Fauziah, Bahaman, Mansor & Shatar Sabran 2012). Manakala menurut Mahmood (1996), penagihan *relapse* bermaksud penggunaan, pengambilan atau penyalahgunaan bahan psikoaktif selepas seseorang itu telah selesai menjalani rawatan dan pemulihan penagihan dadah dari segi pergantungan fizikal dan psikologikal terhadap dadah. Faktor luaran atau persekitaran berperanan besar dalam menyumbang kepada penagihan *relapse* terhadap seseorang bekas penagih.

Emosi boleh ditakrifkan sebagai "tindak balas psikik dan fizikal (sebagai kemarahan atau ketakutan) secara subjektif dialami sebagai perasaan yang kuat dan secara fisiologi melibatkan perubahan dari sudut tindak balas badan untuk tindakan pantas" (Webster's Ninth New Collegiate Dictionary, 1984). Penekanan introspektif dalam aspek "perasaan" emosi mempunyai peranan penting dalam perkembangan banyak teori emosi. Individu boleh menggunakan pelbagai strategi untuk mengawal emosi mereka. Ia boleh diatur berdasarkan kepada proses penjanaan emosi, tanpa mengira potensi nilai adaptif atau maladaptif (Gross & Thompson, 2007). Kajian yang dijalankan oleh Fauziah, Bahaman & Mohamad Shatar (2012) mendapati

emosi yang tidak dikawal boleh menyebabkan timbulnya perasaan marah, kecewa, berdukacita, gelisah, murung dan bosan dalam kehidupan seseorang individu yang pernah terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Efikasi diri merupakan kuasa motivasi kognitif yang menentukan tahap keupayaan seseorang individu menangani halangan apabila kemahiran dan keupayaan mereka dicabar. Kepercayaan efikasi diri yang rendah akan menjejaskan keupayaan seseorang menangani masalah yang dihadapi (Reeve, 2005). Kajian efikasi kendiri dalam kalangan penagih dadah merupakan satu aspek yang penting kerana ia membantu penagih dadah untuk kembali berinteraksi dalam masyarakat dengan perasaan yakin serta lebih kuat untuk menangani cabaran dan dugaan yang mungkin datang daripada pengaruh negatif akibat dari kehidupan lepas (Muhd Rashid Rajuddin & Muhd Fa'iz Ahmad, 2011). Ruhani et al. (2012) juga berpendapat efikasi kendiri mampu meningkatkan tingkah laku asertif dan dapat mengurangkan tingkah laku mudah mengkritik diri sendiri dalam kalangan penagih dadah. Di Malaysia masalah *relapse* dalam kalangan bekas penagih merupakan salah satu cabaran besar yang perlu dihadapi oleh agensi pelaksana dalam memerangi permasalahan dadah khususnya sewaktu mengendalikan proses rawatan dan pemulihan melibatkan penagih (Fauziah, Bahaman, Mansor & Mohd Shatar, 2012).

Pelbagai kajian dan penyelidikan telah dijalankan samada di peringkat global mahupun Malaysia bagi mengenalpasti punca kepada masalah ketagihan dan penagihan semula. Berdasarkan kajian yang dijalankan bertajuk Faktor-faktor yang mempengaruhi *Relapse* Orang Kena Pengawasan (OKP) Dalam Penagihan Dadah : Kajian Kes di Felda Keratong menyenaraikan beberapa faktor seperti faktor agama, keluarga, persekitaran (sosial) dan ekonomi sebagai punca kepada *relapse*. (Mat Said et al., 2021). Selain itu, kajian yang dijalankan bertajuk Konsep Kawalan Kendiri dan Kualiti Kehidupan bagi Mencegah *Relapse* Ketagihan Dadah dalam kalangan Tahanan menyatakan bahawa emosi merupakan suatu keadaan yang dialami manusia iaitu perubahan yang berlaku pada proses fisiologi, diri dan psikologi (Mahmood Nazar 1995). Manakala Marlatt & Gordon (1985) merujuk emosi negatif sebagai seorang yang mengalami perasaan marah, kecewa, berdukacita, sedih, cemburu, rasa bersalah, murung dan bosan. Apabila seseorang bekas penagih berada dalam keadaan emosi negatif dan tidak stabil, maka keadaan

ini berupaya membawa mereka untuk menagih semula (*relapse*). (Ibrahim et al., 2012).

Kesan daripada pemikiran negatif tersebut mendorong bekas penagih untuk bertingkah laku negatif dan seterusnya cenderung ke arah perlakuan *relapse*. (Ibrahim et al., 2005) Keinginan semula terhadap dadah dilihat sebagai suatu ciri utama kepada gangguan emosi yang membawa kepada penyalahgunaan dadah. Malah ia telah digunakan untuk meramalkan tingkah laku penggunaan semula dadah pada masa akan datang terutamanya untuk jangka masa pendek. Dalam kajiannya (McHugh et al., 2014) mendapati bahawa keadaan ini telah menyebabkan faktor keinginan semula terhadap dadah dinilai semasa rawatan sebagai petanda berisiko kepada penggunaan dadah. Dolan *et al*. (2008) juga menyatakan bahawa efikasi kendiri boleh diukur dengan soal selidik yang mengukur efikasi kendiri atau kebolehan untuk kekal pulih daripada pengaruh dadah pada masa akan datang. Oleh itu, jelas bahawa efikasi diri yang positif menyumbang ke arah pengekalan pemulihan dalam kalangan penagih dadah. (Ibrahim et al., 2023).

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji lain seperti Fauziah, Bahaman, Mansor & Shatar Sabran pada tahun 2012 dalam kajian bertajuk Penagih Dadah dan Keadaan Berisiko Tinggi Kembali Relaps menjalankan kajian menggunakan efikasi diri iaitu menggunakan pemboleh ubah bebas emosi dan pemboleh ubat terikat yang sama, pengkaji merasakan kepentingan untuk menjalankan kajian menggunakan pemboleh ubah yang sama dengan memilih responden dan lokasi yang berbeza agar perbandingan boleh dijalankan pada kajian pada masa akan datang. Pemilihan responden yang mendapat pelepasan bersyarat dan telah melalui fasa pemulihan dan hukuman dilihat paling sesuai untuk kajian dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor lain yang mempengaruhi diri responden. Jangkaan pengkaji adalah emosi dan keyakinan akan mempengaruhi penyalahgunaan dadah berulang ODP disebabkan responden sudah berada dalam lingkungan yang berisiko untuk kembali kepada penagihan.

Dalam membahaskan pengaruh emosi dan efikasi diri pendekatan teori psikologi juga digunakan bagi menerangkan tentang kedua-duanya. Teori kecerdasan emosi Goleman menerangkan fungsi emosi melalui kemampuan

mengenali perasaan sendiri dan orang lain selain kemampuan memotivasi dan mengelola emosi dengan baik. Teori kognitif tingkahlaku pula menerangkan tentang andaian yang salah mempengaruhi tingkahlaku salah dan menghasilkan emosi yang negatif. Ia bertindak menukar pemikiran negatif kepada yang lebih baik. Teori ini tidak memfokuskan kepada faktor luaran sebagai sebab manusia bereaksi secara salah namun memfokuskan kepada pemikiran, perasaan dan tingkahlaku yang terhasil.

Berdasarkan persoalan kajian yang dikemukakan, terdapat dua objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu objektif secara umum dan objektif secara khusus. Objektif umum adalah bertujuan untuk mengkaji pengaruh emosi dan efikasi kendiri ke atas penyalahgunaan dadah dalam kalangan ODP di Pejabat Parol Malaysia. Objektif khusus pula akan memfokuskan secara mendalam berkaitan tiga perkara. Pertama, untuk mengkaji hubungan antara emosi dan efikasi kendiri terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*). Kedua, kajian mengenalpasti faktor emosi yang menjejaskan edikasi kendiri terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse).* Yang terakhir, pengkaji memfokuskan kepada peranan efikasi kendiri sebagai faktor pencegahan terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse).*

## METODOLOGI

Kajian ini bersifat kuantitatif dan menggunakan borang soal selidik bagi memperoleh data daripada responden. Penyelidikan kuantitatif boleh dirujuk sebagai kajian yang menggunakan statistik yang melibatkan bilangan responden yang ramai dengan sekurang-kurangnya melebihi 10 sampel dalam mengukur pembolehubah bagi sesuatu penyelidikan tersebut (Krejcie & Morgan, 1970). Dalam kajian ini, soal selidik ialah satu cara yang digunakan dalam kajian deskriptif dengan tujuan untuk mendapat maklumbalas daripada sampel dan membuat generalisasi kepada populasi. Manakala statistik inferensi digunakan untuk menghuraikan perhubungan antara pemboleh ubah, menghuraikan ciri sampel yang dipilih daripada populasi dan membuat generalisasi ciri – ciri sampel mengenai populasinya.

### Persampelan Kajian

Pemilihan responden kajian dibuat menggunakan persampelan rawak mudah dari Pejabat Parol Malaysia. Pemilihan subjek kajian adalah terdiri daripada Orang diParol yang melalui perintah mahkamah di bawah Akta Penjara 1995 (Akta 537) melalui Akta Penjara (Pindaan) 2008. Seramai 97 sampel terlibat

di dalam soal selidik dan dijadikan sebagai responden iaitu mewakili 130 jumlah responden yang terdapat di Pejabat Parol di Malaysia. Pengkaji juga telah mendapatkan kerjasama dan kebenaran daripada Pegawai Parol Pejabat Parol di Malaysia untuk membantu mengagihkan pautan soal selidik kepada ODP yang berada di dalam kawasan urus tadbir mereka untuk menjawab soal selidik yang telah disediakan.

**Lokasi Kajian**

Pemilihan tempat kajian adalah di Pejabat Parol Malaysia berdasarkan kesesuaian sampel yang mahu diambil dan mempunyai populasi yang bertepatan dengan tujuan kajian dan dijangkakan akan dapat menjawab kepada persoalan kajian.

**Alat Kajian**

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik kajian ini mengandungi 41 soalan yang dibahagikan kepada 4 bahagian, iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Terdapat 9 soalan pada bahagian A, iaitu soalan-soalan yang berkaitan dengan ciri-ciri demografi. Bahagian B mengandungi 12 soalan yang berkaitan dengan penyalahgunaan bahan menggunakan *Drug Abuse Secreening Test* (DAST-20). Seterusnya bahagian C mengandungi 10 soalan yang berkaitan dengan emosi menggunakan instrumen menggunakan instrumen *Emotional Regulation Questionnaire* (ERQ). Manakala bahagian D mempunyai 20 soalan yang berkaitan dengan efikasi kendiri penagih dadah menggunakan instrumen *Drug Abstinence Self Efficacy Scale* (DASES).

**Analisis Data**

*Program Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 29.0 digunakan bagi menganalisis data yang diperoleh daripada responden kajian. Bagi memenuhi objektif kajian ini analisa deskriptif dan analisa inferensi korelasi telah digunakan. Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan dan mengenalpasti profil ODP. Analisis data secara inferensi melalui ujian Korelasi Pearson digunakan bagi mengkaji hubungan dan kekuatan hubungan antara dua pembolehubah dan digunakan pada obejktif pertama kajian. Analisis regresi mudah pula digunakan untuk mengenal pasti perubahan dalam dua atau lebih faktor pembolehubah yang menyumbang kepada perubahan dalam suatu variabel bersandar. Dalam kajian ini, analisis

menggunakan kaedah regresi akan menerangkan pengaruh dan kekuatan pengaruh pembolehubah terikat (IV) terhadap pembolehubah bebas (DV).

## DAPATAN KAJIAN

### Demografi Responden

Responden adalah terdiri daripada 97 orang ODP di Pejabat Parol Malaysia. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk menganalisa taburan demografi responden seperti jantina, umur, tahap pendidikan, kekerapan memasuki institusi, jenis kesalahan, penglibatan dengan penyalahgunaan dadah, jenis dadah yang digunakan, penglibatan dalam aktiviti merokok dan penglibatan dalam aktiviti minum arak.

### Analisa Umur ODP

Jumlah tertinggi responden yang terlibat dalam penyalahgunaan bahan adalah dalam lingkungan umur 40-50 tahun iaitu sebanyak 34 orang (35.1%) diikuti oleh mereka yang berusia antara 30 – 40 tahun iaitu seramai 32 orang (33%). Dan mereka yang berusia antara 20 -30 tahun pula adalah seramai 21 orang (21.6% dan mereka yang berusia antara 50 – 60 tahun pula merupakan responden terendah (10.3%).

Jadual 1: Analisa Umur ODP

| Umur | | | |
|---|---|---|---|
| Julat umur | Frequency | Percent | Valid Percent |
| 20-30 tahun | 21 | 21.6 | 21.6 |
| 30-40 tahun | 32 | 33.0 | 33.0 |
| 40-50 tahun | 34 | 35.1 | 35.1 |
| 50-60 tahun | 10 | 10.3 | 10.3 |
| | 97 | 100.0 | 100.0 |

### Analisa Status Perkahwinan ODP

Seramai 55 orang masih berstatus bujang (56.7%) manakala mereka yang kekal dalam perkahwinan adalah sebanyak 29 orang (29.9%). Mereka yang berpisah atau bercerai dalam kalangan ODP adalah seramai 13 orang (13.4%).

Jadual 2: Analisa Status Perkahwinan ODP

| Status | | | |
|---|---|---|---|
| Status | Frequency | Percent | Valid Percent |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Bujang | 55 | 56.7 | 56.7 |
| Berkahwin | 29 | 29.9 | 29.9 |
| Berpisah | 13 | 13.4 | 13.4 |
| | 97 | 100.0 | 100.0 |

## Analisa Tahap Pendidikan ODP

ODP yang menghabiskan persekolahan sehingga peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) merupakan bilangan yang tertinggi iaitu seramai 43 ODP (44.3%). Bilangan kedua tertinggi adalah mereka yang bersekolah sehingga tingkatan 3 atau mengambil peperiksaan PMR iaitu seramai 24 orang (24.7%) dan selebihnya mereka yang bersekolah rendah iaitu 17 orang (17.5%), 2 orang mendapat pendidikan peringkat diploma (2.1%), 1 ODP pula menghabiskan pengajian peringkat ijazah (1%) dan 10 orang pula memilih untuk menandakan tahap pengajian kepada lain-lain (10.3%).

Jadual 3: Analisa Tahap Pendidikan ODP

| Tahap Pendidikan ODP | | | |
|---|---|---|---|
| Tahap Pendidikan | Frequency | Percent | Valid Percent |
| Sek Rendah | 17 | 17.5 | 17.5 |
| PMR | 24 | 24.7 | 24.7 |
| SPM | 43 | 44.3 | 44.3 |
| Diploma | 2 | 2.1 | 2.1 |
| Ijazah | 1 | 1.0 | 1.0 |
| Lain-lain | 10 | 10.3 | 10.3 |
| | 97 | 100.0 | 100.0 |

## Kekerapan Masuk ke Institusi

Berdasarkan soal selidik yang dijalankan, jumlah kekerapan ODP masuk ke institusi adalah antara 1- 30 kali dimana jumlah kekerapan tertinggi adalah sebanyak 1 kali iaitu melibatkan 21 ODP (21.7%) manakala mereka yang ditahan di dalam institusi sebanyak 2 kali adalah sebanyak 19 ODP (19.6%), 15 ODP pula pernah ditahan sebanyak 4 kali (15.5%), 12 ODP (12.4%) pula sebanyak 3 kali, 8 ODP sebanyak 5 kali (8.2%), 6 ODP sebanyak 8 kali (6.2%). Bagi 4 orang ODP pula menunjukkan kekerapan masuk ke institusi sebanyak 7 kali dan 9 kali (4.1%). 2 orang ODP pula masuk ke institusi sebanyak 13 kali (2.1%) manakala mereka yang memiliki kekerapan masuk ke institusi sebanyak 13, 14, 15, 16 dan 30 kali pula adalah seramai 1 orang bagi setiap jumlah kekerapan (1%).

Jadual 4: Kekerapan Masuk ke Institusi

| Kekerapan Masuk ke Institusi |
|---|

| Jumlah | Frequency | Percent | Valid Percent |
|---|---|---|---|
| 1 | 21 | 21.7 | 21.7 |
| 2 | 19 | 19.6 | 19.6 |
| 3 | 12 | 12.4 | 12.4 |
| 4 | 15 | 15.5 | 15.5 |
| 5 | 8 | 8.2 | 8.2 |
| 6 | 2 | 2.1 | 2.1 |
| 7 | 4 | 4.1 | 4.1 |
| 8 | 6 | 6.2 | 6.2 |
| 9 | 4 | 4.1 | 4.1 |
| 13 | 2 | 2.1 | 2.1 |
| 14 | 1 | 1.0 | 1.0 |
| 15 | 1 | 1.0 | 1.0 |
| 16 | 1 | 1.0 | 1.0 |
| 30 | 1 | 1.0 | 1.0 |
| | 97 | 100.0 | 100.0 |

## Jenis Kesalahan

ODP yang terlibat dalam kes jenayah adalah menunjukkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 81 ODP (83.5%) terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan 16 ODP (16.5%) terlibat dalam kesalahan jenayah.

Jadual 5: Jenis Kesalahan

| Jenis Kesalahan | | | |
|---|---|---|---|
| Jenis | Frequency | Percent | Valid Percent |
| Jenayah | 16 | 16.5 | 16.5 |
| Dadah | 81 | 83.5 | 83.5 |
| | 97 | 100.0 | 100.0 |

## Penglibatan dalam Penyalahgunaan Bahan

68 ODP terlibat dalam penyalahgunaan bahan (70.1%) dan 29 ODP tidak terlibat dalam penyalahgunaan bahan (29.9%).

Jadual 6: Penglibatan Dalam Penyalahgunaan Bahan

| Penglibatan dalam Penyalahgunaan Bahan | | | |
|---|---|---|---|
| | Frequency | Percent | Valid Percent |
| Ya | 68 | 70.1 | 70.1 |
| Tidak | 29 | 29.9 | 29.9 |
| | 97 | 100.0 | 100.0 |

**Jenis Dadah yang Digunakan**

Penyalahgunaan syabu merupakan pengunaan tertinggi dikalangan responden iaitu sebanyak 54 orang (55.7%) manakala 27 ODP menggunakan heroin (27.8%). 10 ODP menggunakan dadah jenis ecstasy (10.3%) manakala baki 6 ODP menggunakan dadah jenis Ganja (6.2%).

Jadual 7: Jenis Dadah Yang Digunakan

| Jenis Dadah Yang Digunakan | | | |
|---|---|---|---|
| | Frequency | Percent | Valid Percent |
| Syabu | 54 | 55.7 | 55.7 |
| Heroin | 27 | 27.8 | 27.8 |
| Ganja | 6 | 6.2 | 6.2 |
| Ecstasy | 10 | 10.3 | 10.3 |
| | 97 | 100.0 | 100.0 |

**Penglibatan dalam aktiviti merokok**

90 ODP terlibat dalam aktiviti merokok (92.8%) manakala 7 ODP tidak terlibat dengan aktiviti merokok (7.2%). Ini menunjukkan bahawa aktiviti merokok dan dadah mempunyai kaitan yang rapat.

Jadual 8: Penglibatan Dalam Aktiviti Merokok

| Penglibatan dalam Aktiviti Merokok | | | |
|---|---|---|---|
| | Frequency | Percent | Valid Percent |
| Ya | 90 | 92.8 | 92.8 |
| Tidak | 7 | 7.2 | 7.2 |
| Total | 97 | 100.0 | 100.0 |

**Penglibatan dalam Aktiviti Minum Arak**

ODP yang terlibat dalam aktiviti minum arak adalah rendah iaitu 9 ODP (9.3%) manakala ODP yang tidak terlibat dalam aktiviti minum arak adalah tinggi iaitu 88 orang (90.7%). Ini menunjukkan bahawa aktiviti penyalahgunaan bahan dengan penyalahgunaan arak adalah tidak berkait rapat.

Jadual 9: Penglibatan Dalam Aktiviti Minum Arak

| Penglibatan dalam aktiviti minum arak | | | |
|---|---|---|---|
| | Frequency | Percent | Valid Percent |
| Ya | 9 | 9.3 | 9.3 |
| Tidak | 88 | 90.7 | 90.7 |
| Total | 97 | 100.0 | 100.0 |

**Hubungan Emosi dan Efikasi Kendiri Terhadap Penyalahgunaan Dadah Berulang (*Relapse*)**

Analisis kolerasi Pearson digunakan bagi mengkaji hubungan antara emosi dan efikasi kendiri terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*). Hasil analisis menunjukkan tidak terdapat kolerasi negatif yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah dengan r (emosi) =-0.096 dan p<.05 (2-tailed). Nilai p (emosi)=0.350 dan r (efikasi diri) = -0.014 dan p <.05 (2-tailed). Nilai p (efikasi kendiri) = 0.894 dengan penyalahgunaan dadah. Oleh itu, kajian ini menolak hipotesis alternatif yang dibina iaitu emosi dan efikasi kendiri tidak mempengaruhi penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*) dalam kalangan penagih dadah. Hubungan kolerasi yang negatif membuktikan bahawa kedua pemboleh ubah bebas ini tidak memberikan kesan terhadap relaps. Kesimpulannya, dapatan kajian ini tidak menyokong objektif kajian iaitu terdapat hubungan antara emosi dan efikasi kendiri terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*) dalam kalangan ODP.

Jadual 10: Hubungan Emosi dan Efikasi Kendiri terhadap Penyalahgunaan Dadah Berulang (Relapse)

| Kolerasi antara emosi dan efikasi kendiri terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*) | | | |
|---|---|---|---|
| | | Emosi | Efikasi kendiri |
| *Relapse* | *Pearson Correlation* | -0.096 | -0.014 |
| | *Sig. (2-tailed)* | 0.350 | 0.894 |

*. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05 (2-tailed).

**Faktor-Faktor Emosi yang Menjelaskan Efikasi Kendiri Terhadap Penyalahgunaan Dadah Berulang (*Relapse*)**

Berdasarkan analisis di atas, hanya emosi yang mempunyai kesan signifikan terhadap keyakinan diri. Emosi dan keyakinan diri tidak mempunyai kesan signifikan terhadap penyalahgunaan dadah berulang dengan (β =0.355 dan 0.923, p >.05). Oleh itu, hipotesis alternatif pengkaji ditolak di mana faktor-faktor emosi tidak menjejaskan keyakinan diri terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*).

Jadual 11: Faktor-Faktor Emosi yang Menjelaskan Efikasi kendiri terhadap Penyalahgunaan Dadah Berulang (Relapse)

| Faktor-faktor emosi yang menjejaskan efikasi kendiri terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*) | | | |
|---|---|---|---|
| | Beta | T | Sig. |
| Emosi | -0.098 | -0.930 | 0.355 |
| Efikasi kendiri | 0.010 | 0.097 | 0.923 |

*. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05 (2-tailed).

### Peranan Efikasi Kendiri Sebagai Faktor Peramal Terhadap Penyalahgunaan Dadah Berulang (*Relapse*)

Hasil analisis menunjukkan bahawa nilai Beta (β) = 0.894 dan nilai $p > 0.05$. Ini bermakna, hasil kajian tidak signifikan, keyakinan diri tidak berperanan sebagai faktor peramal terhadap penyalahgunaan dadah berulang. Berdasarkan analisis ini, hipotesis alternatif ditolak kerana hasil menunjukkan bahawa keyakinan diri tidak menjadi faktor peramal terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*).

Jadual 12: Peranan Efikasi kendiri sebagai Faktor Peramal terhadap Penyalahgunaan Dadah Berulang (Relapse)

Keputusan regresi faktor-faktor emosi yang menjelaskan efikasi kendiri terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*)

| | Beta | t | Sig. |
|---|---|---|---|
| Emosi | -0.098 | -0.930 | 0.355 |
| Efikasi kendiri | 0.010 | 0.097 | 0.923 |

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

## PERBINCANGAN

### Demografi Responden

Berdasarkan kajian yang dijalankan berkaitan demografi responden, kajian mendapati responden yang paling ramai terlibat dalam penyalahgunaan dadah berumur dalam lingkungan umur 40-50 tahun. Ini menunjukkan mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah berada pada lingkungan umur matang dan dijangkakan telah lama terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Mereka yang terlibat juga mempunyai kecenderungan untuk kekal bersendirian atau bujang mungkin disebabkan oleh penggunaan dadah yang serius dan lama. Dapatan analisis juga mendapati tahap pendidikan responden adalah pada tahap sederhana dimana 43 responden menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini disokong oleh data yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2023 dimana dapatan data penagih dadah menunjukkan mereka yang terlibat dalam penagihan dadah mendapat pendidikan di tahap sekolah menengah.

Bagi kekerapan responden yang memasuki institusi jumlah yang tertinggi adalah mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah kali pertama

adalah sebanyak 21 responden. Pengkaji menjangkakan dapatan ini menjadi dapatan yang tertinggi disebabkan oleh responden yang benar-benar dijatuhi hukuman penjara tidak termasuk dihukum reman. Jenis dadah yang digunakan menunjukkan pengunaan syabu adalah tertinggi iaitu sebanyak 54 responden. Mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan bahan juga didapati terlibat dalam aktiviti merokok pada jumlah yang tinggi iaitu sebanyak 90 responden.

**Hubungan antara Emosi dan Efikasi Kendiri terhadap Penyalahgunaan Dadah Berulang (*Relapse*)**

Dalam kajian yang telah dijalankan bagi mengkaji hubungan antara emosi dan efikasi kendiri terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*). Terdapat hubungan yang tidak signifikan antara emosi dan efikasi kendiri terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*). Oleh yang demikian objektif kajian bagi mengkaji hubungan antara emosi dan efikasi diri terhadap *relapse* tidak memenuhi dapatan kajian yang dilaksanakan di Pejabat Parol Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian bertajuk Model dan Teori Kecenderungan Berulang dalam Kalangan Bekas Penagih Dadah mendapati faktor tekanan diri, persekitaran sosial dan persekitaran keluarga dan tekanan emosi mempengaruhi pengulangan dadah dalam kalangan bekas penagih dadah. Justeru, pengkaji perlu mengambil kira faktor lain yang menjadi memberi pengaruh kepada kajian ini seperti sokongan sosial dan persekitaran.

Ruhani et al. (2012) juga menjelaskan bahawa efikasi kendiri dapat mengurangkan sikap kebergantungan dan seterusnya membantu mereka bersih daripada pengaruh dadah. Ia menjelaskan bahawa proses meningkatkan efikasi kendiri ini dapat dilakukan melalui program-program pemulihan hubungan kekeluargaan. Malah menurut mereka lagi, efikasi kendiri yang tinggi dapat membentuk semula keperibadian diri yang baik dalam diri penagih seperti sikap tidak berdiam diri, tidak melarikan diri, serta bijak memberikan respons. Bagi mereka, program-program yang meningkatkan kemahiran kognitif boleh membantu meningkatkan efikasi kendiri dan seterusnya membantu penagih untuk pulih daripada masalah penagihan. Berdasarkan dapatan kajian lepas yang dijalankan oleh pengkaji sebelum ini, faktor lain perlu diambil kira melibatkan status pendidikan, pekerja, sokongan sosial dan pembentukan diri yang lebih mampan melalui

program pemulihan yang dijalankan di pusat tahanan. Selain itu, kebergantungan terhadap jenis dan kuantiti dadah juga perlu diambil kira kerana ia mempengaruhi pemikiran dan perasaan yang dialami oleh responden kajian. Tempoh pengambilan juga perlu dijadikan faktor perantara di dalam mengkaji kemungkinan untuk *relapse* dan kebergantungan terhadap dadah. Faktor lain seperti efikasi kendiri juga dilihat perlu diterjemahkan dengan mengambil kira faktor demografi klien dan diperhalusi agar dapatan kajian memenuhi objektif dan persoalan yang ingin dijawab.

**Faktor-faktor Emosi yang menjejaskan Efikasi kendiri Terhadap Penyalahgunaan Dadah Berulang (*Relapse*)**

Dalam kajian yang telah dijalankan bagi mengkaji faktor-faktor emosi yang menjejaskan efikasi kendiri terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*). Hubungan yang wujud adalah tidak signifikan di antara emosi yang dihadapi oleh responden dengan efikasi diri responden. Dalam hal ini pengkaji menjangkakan bahawa emosi responden memainkan peranan utama dalam membentuk efikasi diri yang boleh mengekalkan responden dalam kepulihan. Ini dikuatkan dalam beberapa temubual yang dijalankan ke atas beberapa responden yang menyatakan bahawa emosi tidak menjadi elemen penting dalam membentuk sokongan kepada kepulihan responden. Menurut mereka, sokongan sosial terutama sokongan keluarga merupakan pendorong kepada pembentukan efikasi diri yang lebih mampan. Selain itu, banyak kajian mengkaji peranan efikasi kendiri dalam menangani situasi penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*), Nikmanesh et al., 2016 menjalankan kajian berkaitan peranan sokongan sosial dan efikasi kendiri terhadap mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan bahan. Mereka mendapati terdapat perbezaan yang ketara antara mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan bahan berulang (*relapse*) dan mereka yang tidak berulang berkaitan efikasi kendiri dan sokongan sosial. Mereka yang tidak terlibat dalam penyalahgunaan berulang mempunyai efikasi kendiri yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang *relapse*.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Torrecillas (2015) mendedahkan bahawa efikasi kendiri berkait rapat dengan kuantiti penggunaan bahan. Dalam kajian lain, juga mendapati terdapat hubungan yang kuat di antara efikasi kendiri yang rendah, situasi berisiko dan juga kebergantungan bahan. Kajian juga mendapati bahawa efikasi kendiri yang tinggi dipengaruhi oleh penyalahgunaan bahan yang rendah yang penggunaan bahan yang rendah

akan mengakibatkan dan juga faktor-faktor lain yang mempengaruhi keyakinan tersebut seperti kepercayaan tidak rasional dan sokongan sosial. (Al-Ziadat, 2024)

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Craig pada tahun 2019, beliau menyatakan bahawa Goleman dalam teori yang dibangunkan menyatakan bahawa mereka yang tidak dapat mengawal emosi sukar untuk berjaya dan tidak dapat berkomunikasi dengan baik. Justeru, kajian yang dijalankan kepada responden tidak dapat mengaitkan hubungan diantara emosi dan efikasi diri kerana tidak saling mempengaruhi antara satu sama lain.

**Peranan Efikasi Kendiri sebagai Faktor Peramal Terhadap Penyalahgunaan Dadah Berulang (*Relapse*)**

Dalam kajian yang telah dijalankan, hipotesis alternatif yang dijangkakan adalah tidak diterima kerana efikasi kendiri tidak menjadi faktor peramal terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*). Walaupun dapatan kajian tidak seperti yang dijangkakan oleh pengkaji, pengkaji menjangkakan faktor-faktor lain yang menjadi penghalang atau penyebab mengapa efikasi kendiri tidak menjadi faktor pencegahan terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*). Dalam kajian kekuatan dalaman seorang penagih dadah untuk menghalang diri dari mengambil semula dadah dapat dilaksanakan menggunakan amalan regulasi kendiri (*self-regulation*). Regulasi kendiri membolehkan seseorang itu berdisiplin dan mengamalkan peraturan terhadap dirinya untuk mencapai sesuatu matlamat. Hasil kajian yang dijalankan oleh Abolghasemi dan Rajabi (2013) memperlihatkan bahawa peraturan diri dan kawalan afektif (emosi) mempunyai hubungan yang signifikan dengan penagih. Dalam konteks ini, penagih yang mempunyai regulasi kendiri yang rendah akan mengalami tekanan peribadi yang tinggi dan mempunyai pandangan negatif tentang masa depan dan tekanan sosial. Penemuan ini sesuai dengan kajian Glassman et al. (2007) dan Doran et al. (2007) yang menyatakan penagih yang mempunyai regulasi kendiri yang tinggi juga mempunyai prestasi yang lebih baik dalam kehidupan sosial mereka dan akibatnya mengalami lebih sedikit komplikasi dan masalah *relapse*. Sebaliknya, regulasi kendiri yang lemah dan rendah akan mengakibatkan kecenderungan penagih terhadap penyalahgunaan bahan inhalan mahupun *relapse*.

NIDA mencadangkan terapi tingkah laku kognitif (Terapi Tingkah Laku Kognitif) untuk membantu individu mengenali, mengelak dan mengatasi situasi yang cenderung untuk mencetuskan penggunaan dadah atau dengan memberikan insentif seperti baucar atau hadiah kecil untuk menggalakkan individu mengekalkan tingkah laku berpantang. Ini selaras dengan hasil penyelidikan yang menunjukkan kepentingan kawalan kendiri dalam mengelakkan berulang. Efikasi kendiri yang terbentuk dalam diri bekas penagih dapat mewujudkan harapan, pandangan positif terhadap diri sendiri, mengurangkan tekanan serta meningkatkan kekuatan dalaman penagih dadah untuk bebas daripada pengaruh dadah. Malah, efikasi kendiri menterjemahhkan kehendak dan kekuatan diri mereka serta berupaya mempamerkan perasaan sebenar mereka.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pengaruh emosi dan efikasi kendiri terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*) dalam kalangan Orang diParol di Pejabat Parol Malaysia mendapati emosi dan efikasi kendiri tidak memberikan pengaruh terhadap penyalahgunaan dadah berulang (*relapse*). Berdasarkan perbincangan dan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan juga mengenalpasti faktor-faktor lain yang menjadi perantara antara emosi dan efikasi kendiri seperti motivasi dan sokongan sosial. Justeru, kajian yang lebih detail dan jitu diperlukan bagi memastikan usaha untuk menjadikan mereka yang diberikan parol berjaya menangani *relapse* dan berdaya tindak terhadap penyalahgunaan dadah.

## Persetujuan Termaklum

Saya,bersetuju membenarkan pihak Universiti Malaysia Sabah untuk menjadikan artikel saya sebagai bahan rujukan dalam bentuk penerbitan.

## Percanggahan Kepentingan

Saya mengaku bahawa saya tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam penerbitan artikel ini samada kepada pihak Jabatan Penjara Malaysia mahupun Pejabat Parol di Malaysia.

## Etika

Saya mengaku bahawa saya telah mengadakan perbincangan dengan penyelia saya dan mendapatkan kebenaran dari tempat kajian sebelum saya menjalankan kajian.

**Sumbangan Penulis**
Kajian ini diharapkan dalam memberikan penjelasan dan pandangan dari sudut yang berbeza kepada pihak berkepentingan dalam mengatasi masalah penagihan semula dalam kalangan ODP.

**Penajaan**
Artikel ini dikeluarkan sendiri oleh pengkaji tanpa sebarang geran dan dihasilkan bagi mengikuti kehendak program.

**Pengakuan**
Saya dengan ini mengaku bahawa saya tidak menyalin atau meniru mana-mana kajian yang dijalankan secara keseluruhan kecuali sumber-sumber yang telah saya nyatakan secara langsung dalam penulisan artikel.

**Ketersediaan Data**
Data yang dinyatakan di dalam artikel ini adalah data yang dikumpul menggunakan borang kaji selidik secara *google form* dan dianalisa menggunakan perisian SPSS versi 29.0.

**Rujukan**
Abolghasemi, A., & Rajabi, S. (2013). The Role of Self-regulation and Affective Control in Predicting Interpersonal Reactivity of Drug Addicts. *International Journal of High-Risk Behaviors & Addiction*, *2*(1), 28–33. https://doi.org/10.5812/ijhrba.9919

Al-Ziadat, M. A. (2024). Do Social Support and Self- Efficacy Play a Significant Role in Substance Use *Relapse*? *Health Psychology Research*, *12*. https://doi.org/10.52965/001c.94576

Craig, H. (2019, January 30). *The Theories of Emotional Intelligence Explained*. PositivePsychology.com. https://positivepsychology.com/emotional-intelligence-theories/

Glassman, L. H., Weierich, M. R., Hooley, J. M., Deliberto, T. L., & Nock, M. K. (2007). Child Maltreatment, Non-Suicidal Self-Injury, And the Mediating Role of Self-Criticism. *Behaviour Research and Therapy*, *45*(10),2483–2490. https://doi.org/10.1016/j.brat.2007.04.002

Ibrahim, F., Bahaman Abu Samah, Mansor Abu Talib, & Mohamad Shatar Sabran. (2012). *Penagih Dadah dan Keadaan Berisiko Tinggi Kembali Relapse*. *7*(1), 12.

Ibrahim, F., Hassan, N., Zakaria, E., Shahrazad, W., Mohammad Rahim Kamaluddin, & Nurulatiqah Yunos. (2023). Hubungan antara Efikasi Diri dan Situasi Berisiko Tinggi *Relapse* Dalam Kalangan Banduan Dadah. *UKM Journal Article Repository (Universiti KebangsaanMalaysia)*, *20*(1). https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2001.19

*Laman Web Rasmi Agensi Anti Dadah Kebangsaan – AADK*. (n.d.). https://www.adk.gov.my/

Muhd Rashid Rajuddin, & Muhd Fa'iz Ahmad. (2011). *Pengharapan Pelatih Pusat Serenti terhadap Latihan Vokasional di Pusat Serenti Tampoi, Johor.*

Mat Said, M. H., Paridah Mohd Ali, Fara Hazlini Mohd Som, Siti Norni Mohd Daud, & Nur Azila Osman. (2021). Faktor Faktor yang Mempengaruhi *Relapse* Orang Kena Pengawasan (OKP) dalam Penagihan Dadah : Kajian Kes Di Felda Keratong. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 23–28. https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i(s2).6246

Nikmanesh, Z., Baluchi, M. H., & Pirasteh Motlagh, A. A. (2016). The Role of Self-Efficacy Beliefs and Social Support on Prediction of Addiction *Relapsee*. *International Journal of High-Risk Behaviors and Addiction*, *6*(1). https://doi.org/10.5812/ijhrba.21209

Ruhani Mat Min, Mohamed, A., & Nor Ezdianie Omar. (2012). Keperibadian dan Sokongan Sosial Penghuni PUSPEN: Implikasi Terhadap Program Pemulihan. *Jurnal Kemanusiaan*, *10*(2).